

JPN PERAK

2020

Modul#learning@home

SEJARAH-K1

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Deliver



TINGKATAN

4



BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

1.1 : Maksud Nasionalisme

1. Apakah pandangan Professor Hons berkaitan nasionalisme ?**ms22**

- A Perjuangan menuntut kemerdekaan
- B Fenomena sejagat menubuh negara sendiri
- C Perjuangan orang melayu dalam negara sendiri
- D Gerakan kesetiaan kepada negara dan bangsa

2. Nasionalisme di barat berkembang hasil daripada penentangan terhadap pemerintahan beraja yang menggugat hak dan kebebasan rakyat.

Apakah kesan perkembangan nasionalisme tersebut? **ms 24**

- A Berjaya mengukuhkan kuasa rakyat
- B Memantapkan kedudukan parlimen
- C Menjejaskan kedaulatan negara bangsa
- D Kebangkitan perjuangan kedaulatan raja.

3.

- Revolusi Perancis
- Revolusi England

Mengapakah revolusi tersebut berlaku ?**ms24-25**

- A Memperjuangkan kedaulatan negara
- B Mempertahankan peradaban
- C Menentang penguasaan ekonomi
- D Penentangan pemerintahan beraja

4. Maklumat berikut berkaitan tokoh nasionalisme di India pada awal abad ke – 20.

- Bal Gangadhar Tilak
- Bipin Chandra Pal

Apakah sumbangan kedua - dua tokoh tersebut ? **ms26**

- A Menggerakkan perjuangan militan.
- B Menentang kelemahan pemerintah.
- C Mempertahankan pemerintahan Islam.
- D Memberi perhatian isu sosioagama.

5.

Semangat Bushido

Antara pernyataan berikut yang manakah menjelaskan maksud Semangat Bushido ?

ms 27

- A Taat setia.
- B Bertolak ansur.
- C Tolong menolong.
- D Sanggup berkorban.

6. Berdasarkan maklumat di bawah, bagaimanakah perjuangan Jose Rizal dilakukan ?

ms28

- Filipina dijadikan wilayah Sepanyol
- Bangsa Filipina diberi kebebasan bersuara

- A Liga Filipina
- B Gerakan Sosial
- C Kerajaan Revolusi
- D Penubuhan Katipunan

7. “Hilang Gelap Terbitlah Terang “merupakan hasil karya Raden Adjeng Kartini daripada Indonesia

Apakah kandungan buku tersebut? **ms30**

- A Kemunduran peribumi.
- B Kemerdekaan negara
- C Kepentingan kerjasama.
- D Kesetiaan kepada raja.

8. Tindakan berikut telah dilakukan oleh Thailand semasa perang dunia kedua. **ms31**

Bekerjasama dengan Jepun

Apakah kesan terhadap negara tersebut ?

- A Pemantapan kuasa raja.
- B Persaingan kuasa barat
- C Pengekalan kemerdekaan
- D Penguasaan ekonomi oleh imigran.

9. Apakah sumbangan Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) dalam perjuangan nasionalisme di negara kita ?**ms33**

- A Perjuangan melalui penulisan.
- B Perjuangan bercorak radikal.
- C Perjuangan berpendidikan agama.
- D Perjuangan terawal di Tanah Melayu.

10. Kemunculan mesin cetak telah memberi kesan kepada nasionalisme di Tanah Melayu abad ke 20.

Apakah kesan tersebut? **ms34**

- A Pentadbiran sistematik
- B Penentangan terhadap British.
- C Peningkatan sistem pendidikan.
- D Perluasan pengaruh barat.

11. Maklumat berikut berkaitan akhbar yang dibentuk bagi melahirkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu.

- Diterbitkan pada 23 Julai 1906
- Menyeru umat Islam kembali kepada ajaran sebenar

Apakah akhbar tersebut? **ms34**

- A Saudara
- B Neracha
- C Al-Iman
- D Pengasuh

12. Antara berikut, yang manakah mencirikan Kaum Muda? **ms37**

- A Terdiri daripada golongan pemuda
- B Memperjuangkan nasib golongan muda
- C Membawa idea baru dari Timur Tengah
- D Mengasingkan diri dari golongan tua.

13. Pernyataan berikut berkaitan karya kreatif yang telah lahir di Tanah Melayu.

- Mari kita berjuang
- Angan-angan dengan gurindam
- Sedarlah

Apakah isu yang dibangkitkan dalam penulisan tersebut?**ms39**

- A Memupuk semangat kebangsaan
- B Menyeru penubuhan persatuan
- C Menentang tuntutan orang dagang
- D Menuntut kemerdekaan negara

14. Persatuan Sahabat Pena Malaya(PASPAM) telah ditubuhkan pada tahun 1934.

Apakah peranan PASPAM?**ms40**

- A Membincangkan masalah ekonomi
- B Menggalakkan kemajuan bangsa
- C Memajukan budaya dan maruah
- D Menegakkan ajaran Islam

15.

Kesatuan Melayu Singapura (KMS) berperanan penting dalam membela nasib orang-orang Melayu

Apakah bukti keberkesanan perjuangan kesatuan di atas?**ms40**

- A Pembentukan pasukan tentera semut
- B Mendapat naungan daripada kerajaan British
- C Menghadiri Konggres Melayu di Kuala Lumpur
- D Penubuhan cawangan di negeri Melayu lain

16. Jadual yang berikut berkaitan dengan revolusi yang berlaku di Eropah pada abad ke-17 dan abad ke-18. **Ms 24**

Tahun	Revolusi
1688	Revolusi Keagungan di England
1789	Revolusi Perancis

Apakah kesan revolusi tersebut terhadap Eropah?

- A Kuasa rakyat terjejas
 - B Ideologi komunis terhalang
 - C Kuasa raja mutlak diperkukuh
 - D Kerajaan berperlembagaan ditegakkan
17. Slogan ***“Tiada cukai tanpa perwakilan”*** dilaungkan oleh penduduk Amerika. Mengapakah slogan tersebut dilaungkan? **Ms25**

- A British menyekat penguasaan Amerika
- B British tidak melindungi hak penduduk
- C British monopoli ekonomi Amerika
- D British mencampuri pentadbiran

18. Maklumat berikut berkaitan dengan semangat yang diperkenalkan semasa era Pemulihan Meiji di Jepun. **Ms 27**

Semangat Bushido

- A Menjadi negara perindustrian
- B Mencapai kemajuan Pendidikan
- C Menghalang gerakan anti-Barat
- D Mengatasi kelemahan pemerintahan

19. Pada tahun 1932, Parti Rakyat melancarkan revolusi di Thailand.
Apakah kesan revolusi tersebut ? **Ms 31**

- A Dasar tutup pintu dikuatkan
- B Sistem raja berkuasa mutlak tamat
- C Pemerintahan republik dilaksanakan
- D Kuasa pembesar tempatan diperkukuhkan

20. Maklumat berikut berkaitan dengan nasionalisme di Asia. **ms26**

- Nasionalisme di India
- Nasionalisme di China

Apakah persamaan yang terdapat pada nasionalisme tersebut?

- A Membentuk negara bangsa
- B Menjadi kuasa imperialisme
- C Menamatkan penjajahan kuasa asing
- D Memulihkan kuasa golongan bangsawan

21. Perkembangan nasionalisme di Asia berbeza daripada perkembangan nasionalisme di Barat. **ms 24**

Bagaimanakah perkembangan nasionalisme di Barat?

- A Penentangan terhadap pemerintahan beraja
- B Penghapusan golongan hamba
- C Pembentukan negara bangsa
- D Pembentukan parlimen

22. Apakah ciri-ciri persamaan bagi parti politik berikut? **Ms 28-31**

- Katipunan di Filipina
- Parti Komunis di Indonesia

- I Bertindak secara revolusi
- II Pertubuhan bersifat radikal
- III Bekerjasama dengan penjajah
- IV Pemimpinnya berhaluan sederhana

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23. Tokoh berikut memainkan peranan yang penting dalam membangkitkan semangat nasionalisme di tanah melayu pada abad ke-20. **Ms 38-39**

- Zainal Abidin Ahmad (Za'aba)
- Abdul Rahim Kajai

Bagaimanakah mereka berjaya menaikkan semangat nasionalisme di negara kita?

- A Menghasilkan penulisan kreatif
- B Menentang golongan penjajah
- C Mengadakan ceramah umum
- D Menubuhkan parti politik

24. Senarai dibawah merupakan cerpen yang dihasilkan sebelum Perang Dunia Kedua

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">● Cerita Awang Putat● Rumah Besar Tiang Sebatang |
|---|

Apakah **tema cerpen** tersebut? **Ms 39**

- A Menyekat pengaruh komunis
- B Mewujudkan perpaduan kaum
- C Memperjuangkan nasib bangsa
- D Mengurangkan golongan radikal

25. Tokoh Pendidikan agama telah berjaya membangkitkan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu. Bagaimanakah kesedaran tersebut dibangkitkan? **Ms35**

- A Melalui penulisan buku agama
- B Menggunakan semangat jihad
- C Penentangan secara gerila
- D Penubuhan madrasah

26. Apakah **mesej** yang disampaikan oleh pengarang dalam novel Anak Mat Lela Gila yang diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu? **Ms 34**

- A Mencintai tanah air
- B Perpaduan antara kaum
- C Kepentingan menikmati kebebasan
- D Memelihara warisan tradisi

27. Gambar berikut berkaitan dengan aktiviti akhbar Jelutong Press



Apakah **kesan** daripada penubuhannya? **ms 38**

- A Memakmurkan ekonomi
- B Menggalakkan persaudaraan Islam
- C Mengembangkan fahaman demokrasi
- D Menyemarakkan nasionalisme

28. PASPAM telah ditubuhkan pada tahun 1934 di Pulau Pinang.

Apakah matlamat penubuhan persatuan tersebut? **Ms40**

- A Menghasilkan penulisan kesedaran nasionalisme
- B Menggalakkan ahlinya bersatu padu
- C Mengumpulkan golongan pemuda
- D Menuntut kemerdekaan

- 29 Mengapakah persatuan berikut ditubuhkan oleh masyarakat India di Tanah Melayu pada tahun 1936? **Ms 41**

Central India Association Of Malaya (CIAM)

- A Meningkatkan pertukaran idea
 - B Meningkatkan perpaduan kaum
 - C Menjaga kebajikan masyarakat
 - D Menggalakkan Pendidikan tinggi
- 30 Apakah sumbangan tokoh berikut selaku Presiden Malayan Rubber Estate owner Assosiation? **ms43**



- A memberi bantuan modal kepada penduduk kampung untuk mengusahakan tanaman getah
- B Membantu meningkatkan perusahaan getah semasa zaman kemelesetan ekonomi
- C Membantu meningkat harga getah di pasaran antarabangsa
- D Membantu memasarkan getah ke peringkat antarabangsa

SKEMA JAWAPAN

BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME

SOALAN	JAWAPAN	SOALAN	JAWAPAN
1	D	6	D
2	B	17	B
3	D	18	A
4	A	19	B
5	D	20	C
6	A	21	A
7	A	22	A
8	C	23	A
9	A	24	C
10	B	25	D
11	C	26	A
12	C	27	A
13	A	28	D
14	B	29	B
15	D	30	B